



Aliran Islah Dalam Tafsir al-Qur'an: Analisis Terhadap Elemen Pemikiran Islah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (TGNA) dan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (TGHH)

Mohd Ridwan Razali¹

Mustaffa Abdullah²

Mohd Muhiden Abd Rahman³

Mohamad Azrien Mohamed Adnan⁴

ABSTRAK

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menumpukan kaedah analisis dokumen. Didapati kedua-dua tokoh yang terlibat dalam kajian ini dikenali dalam oleh masyarakat Islam di Malaysia sebagai ahli politik. Bahkan tidak ramai yang mengenali mereka berdua sebagai antara ulama tersohor yang giat menyebarkan dakwah kepada masyarakat Islam melalui kuliah-kuliah agama dan penghasilan karya-karya dalam bidang tafsir al-Quran. Analisis kajian menunjukkan kedua-dua tokoh tersebut cenderung mentafsirkan ayat-ayat al-Quran mengikut aliran islah. Hal ini dapat dikenal pasti melalui penelitian yang mendalam terhadap ayat-ayat al-Quran yang terpilih yang ditafsirkan oleh kedua-dua tokoh tersebut dengan berdasarkan bentuk-bentuk islah yang dicadangkan oleh Muhammad 'Abd al-'Azīm al-Zarqānī. Hasil daripada analisis kajian menunjukkan kebanyakan ayat-ayat al-Quran yang ditafsirkan oleh kedua-dua tokoh tersebut banyak menyentuh keenam-enam bentuk-bentuk islah yang dicadangkan oleh al-Zarqānī iaitu melibatkan elemen akidah (*Islāḥ al-'Aqā'id*), ibadat (*Islāḥ al-'Ibādah*), akhlak (*Islāḥ al-Akhlāq*), pengurusan harta (*Islāḥ al-Māl*), politik (*Islāḥ al-Siyāsah*) dan kemasyarakatan (*Islāḥ al-Ijtimā'*).

Kata kunci: Tafsir al-Qur'an, Pemikiran Islah, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang

¹ Calon sarjana Usuluddin di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. boleh dihubungi melalui emel, awangum1985@gmail.com

² Prof Madya di Jabatan al-Quran dan al-Hadith Universiti Malaya.

³ Prof Madya di Jabatan al-Quran dan al-Hadith Universiti Malaya.

⁴ Guru Bahasa Arab (PhD) di Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

PENDAHULUAN

Tafsir al-Quran merupakan satu aktiviti yang memberikan keterangan atau penjelasan mengenai maksud ayat al-Quran.⁵ Aktiviti tersebut menjadikan tafsir al-Quran adalah satu proses disiplin ilmu yang terpenting dalam Islam, terutamanya dalam konteks untuk memahami al-Quran secara tekstual mahu pun secara kontekstual. Pada hakikatnya, proses pentafsiran al-Quran bermula pada zaman Nabi Muhammad S.A.W dan ia dilihat banyak membantu umat Islam ketika itu untuk memahami al-Quran dengan lebih tuntas. Selepas kewafatan baginda S.A.W, kebanyakannya sahabat R.A terpaksa melakukan ijtihad untuk mengeluarkan sesuatu hukum, khususnya melalui pentafsiran al-Qur'ān. Antara sahabat Rasulullah S.A.W yang banyak melakukan pentafsiran al-Quran ialah 'Alī ibn Abī Ṭālib, 'Abd Allāh ibn 'Abbās dan Zayd ibn Thābit R.A. Setelah berakhirnya zaman para sahabat R.A, maka munculnya pula zaman tabi'in. Pada zaman ini, didapati terdapatnya kecenderungan oleh golongan tabi'in mentafsirkan al-Quran dengan menambah unsur-unsur *isrā'iiliyyāt*, *nasrāniyyāt* dan memiliki kecenderungan pada aliran tertentu.⁶

Aktiviti pentafsiran al-Quran tetap terus berkembang dari zaman ke zaman tanpa mengabaikan metodologi asas pentafsiran al-Quran iaitu pentafsiran al-Quran secara *bi al-ma'thūr*. Walau bagaimanapun, hal ini tidaklah pula menyekat penggunaan akal dalam pentafsiran al-Quran atau dengan kata lain dikenali dengan tafsir *bi al-ra'yī*. Pada awal abad ke-20, penulisan tafsir al-Quran didapati mengalami transformasi yang ketara. Di mana, ia terkesan dengan pemikiran pembaharuan atau gerakan islah yang begitu cepat berkembang ke seluruh dunia sehingga ke alam Nusantara termasuklah ke Indonesia dan Malaysia.⁷ Ternyata daripada gerakan pemikiran islah tersebut telah melahirkan ramai tokoh ulama tafsir yang beraliran islah di Malaysia yang banyak memberikan perubahan terhadap corak pemikiran dan kehidupan umat Islam di rantau ini hasil daripada lahirnya karya-karya tafsir yang segar dengan idea-idea islah. Justeru, setelah meneliti beberapa buah karya tafsir yang dihasilkan oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (TGNA) dan juga Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (TGH), kemudian diselaraskan pula dengan beberapa bentuk pengisian yang dicadangkan oleh Muhammad 'Abd al-'Azīm al-Zarqānī⁸ didapati terdapat idea-idea islah yang dilontarkan oleh mereka berdua serta perlu ditonjolkan dalam kajian ini.

KONSEP ISLAH DALAM ISLAM DAN TAFSIR AL-QURAN

Aliran islah didefinisikan sebagai satu aliran yang menunjukkan usaha untuk mengembalikan sesuatu keadaan kepada yang betul, tepat dan sesuai.⁹ Manakala menurut Muhammad 'Uthman El-Muhammady islah adalah sebagai menjadikan sesuatu itu baik,

⁵ Dewan Bahasa dan Pustaka, "Pusat Rujukan Persuratan Melayu", dicapai 08 Mac 2019, <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=tafsir>.

⁶ Nur Zainatul Nadra Zainol and Latifah Abdul Majid, "Sejarah Perkembangan Tafsir Pada Zaman Rasulullah s.a.w, Sahabat Dan Tabiin", 43-54., *Journal of Techno-Social* 4, no. 2 (2012), 44.

⁷ Mustafa Abdullah, "Pengaruh Reformis Mesir Dan Kesannya Terhadap Perkembangan Penulisan Karya-Karya Tafsir Di Nusantara," dalam *Prosiding Seminar Warisan Al-Quran Dan Al-Hadith Nusantara, Jilid 1-Pengajian Al-Quran, 27 dan 28 Ogos 2008* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2008), x.

⁸ Muhammad 'Abd al-'Azīm al-Zarqānī ialah seorang profesor dalam bidang pengajian al-Quran di Universiti al-Azhar, Kaherah dan beliau juga merupakan pengarang kitab yang berjudul *Manāhil al-'Irṣāf fī 'Ulūm al-Qur'Ān*.

⁹ Dewan Bahasa dan Pustaka, "Pusat Rujukan Persuratan Melayu," dicapai 08 Mac 2019, <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=islah>.

betul, munasabah dengan kedudukan yang wajar, tersusun dengan baik, soleh, bertakwa, sihat, berkembang maju, berguna, bermanfaat, sesuai, munasabah, layak meletakkan sesuatu mengikut apa yang selayaknya, pengembalian kepada yang wajar, memperbetulkan, memperelokkan, membuat pembaharuan yang diperlukan, memperbaiki, menjadikan berjaya, mendamaikan dua pihak, demikian yang seterusnya.¹⁰ Ia juga diertikan sebagai satu usaha untuk memperbaiki keadaan umat Islam yang telah rosak dan menyeleweng daripada ajaran al-Quran dan al-Sunnah dengan cara mengajak umat Islam kembali kepada tahap umat Islam dalam generasi awal Islam dahulu, di bawah pimpinan dan bimbingan Rasulullah S.A.W atau sekurang-kurangnya menghampiri tahap dan keadaan generasi tersebut.¹¹ Bahkan ia juga dapat difahami sebagai usaha dakwah kepada orang Islam atau memperbaiki keadaan orang Islam, sama ada dari sudut akidah, akhlak, muamalah, kemasyarakatan, perekonomian atau sebagainya yang boleh membawa kepada peningkatan mutu umat Islam.¹² Definisi-definisi tersebut dilihat selaras dengan beberapa bentuk dan cara pengislahan yang dianjurkan oleh Muhammad ‘Abd al-‘Azīm al-Zarqānī dalam kitabnya *Manāhil al-‘Irfān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Bentuk-bentuk pengislahan tersebut adalah sebagaimana berikut;¹³

- i. *Islāh al-‘Aqā'id* - pembaharuan dalam konteks keyakinan bagi membimbang manusia kepada hakikat permulaan dan pengakhiran kehidupan serta antara keduanya di bawah ruang lingkup iman kepada Allah S.W.T, malaikat-malaikat-Nya, rasul-rasul-Nya dan hari akhirat.
- ii. *Islāh al-Tbādah* - satu bentuk pembaharuan dalam konteks ibadah dengan cara membimbang manusia kepada sesuatu yang menyucikan jiwa, meluruskan keinginan, memberi faedah kepada individu maupun masyarakat.
- iii. *Islāh al-Akhlāq* – iaitu pembaharuan dalam aspek akhlak. Iaitu membimbang manusia kepada kebaikan-kebaikan diri mereka dan menjauhkan mereka daripada perkara yang boleh membawa kepada kehinaan diri mereka tanpa ada unsur melebih-lebihkan atau sebaliknya.
- iv. *Islāh al-Ijtīmā'* – satu usaha pembaharuan dalam aspek kemasyarakatan. Ia merangkumi usaha penyatuan ummah dan penghapusan ta'asub serta menghilangkan perbezaan-perbezaan yang menjauhkan umat Islam.
- v. *Islāh al-Siyāsah* - pembaharuan dalam bidang politik atau *al-hukmi ad-dauli* (hukum pemerintahan). Ia merupakan satu usaha bagi menegakkan keadilan secara mutlak, mengutamakan persamaan antara manusia, adil, boleh dipercayai, menepati janji, tidak pilih kasih dan penuh rasa kasih sayang; jauh dari kezaliman, pengkhianatan, kebohongan dan penipuan.
- vi. *Islāh al-Māl* - usaha pembaharuan dalam konteks ekonomi yang melibatkan usaha pembaharuan dalam bidang ekonomi serta melindungi wang dari kerosakan dan kerugian. Ia juga meliputi kewajipan membelanjakan harta untuk kebaikan serta menunaikan hak-hak yang khusus dan umum.

¹⁰ Muhammad 'Uthman El-Muhammady, "Mengislah Ummah Awlawiyyat Gerakan Islam," dicapai 08 Mac 2019, <http://www.mindamadani.my/topik/fiqh-ad-dakwah/item/20-mengislah-ummah-awlawiyyat-gerakan-islam.html>.

¹¹ Abdul Rauh Yaacob, "Gerakan Islah Dan Tajdid Di Dunia Islam," dalam *Sejarah Dan Tamadun Islam*, PY1262 (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006), 296.

¹² Ab. Aziz Mohd. Zin, *Pengantar Dakwah Islamiyah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997), 6.

¹³ Muhammad ‘Abd al-‘Azīm al-Zarqānī, *Manāhil Al-‘Irfān Fī ‘Ulūm Al-Qur’ān*, ed. Fawwāz Ahmad Zamralī (Beirut: Dar al-Kitab al’Arabiyy, 1995) 2, 273-274.

Menelusuri pula konsep aliran islah dalam tafsir al-Quran, ia diertikan sebagai suatu pembaharuan pada pandangan kita berkenaan al-Quran. Dengan erti kata lain ia tidaklah bermaksud mengubah ayat-ayat al-Quran, bahkan ia menunjukkan satu perubahan dan perkembangan akal fikiran terhadap isi kandungan al-Quran berdasarkan penulisan dan pemerhatian.¹⁴ Hal ini adalah bertepatan dengan apa yang disebutkan oleh ‘Ādil Husayn Ghānim bahawa al-Quran itu merupakan alat perubahan ke arah kebaikan pada setiap masa dan ketika.¹⁵ Sekaligus dapat menghidupkan kembali roh dan kefahaman agama dalam kalangan umat Islam dalam bentuk yang suci, bersih daripada sebarang bentuk bidaah yang menyesatkan, khurafat dan penyelewengan.¹⁶ Oleh yang demikian, aliran islah dalam tafsir al-Quran merupakan satu usaha yang tidak bercanggah dengan metodologi pentafsiran al-Quran yang sebenar, bahkan ia dapat mendidik umat manusia untuk memahami al-Quran dalam ruang lingkup asal penurunan sesuatu ayat al-Quran dan juga membantu mereka untuk mengaplikasikan ajaran al-Quran sesuai dengan perubahan zaman.

SEJARAH PERKEMBANGAN ALIRAN ISLAH DALAM TAFSIR AL-QURAN DI MALAYSIA

Pada awal abad ke-20, telah lahirnya tokoh-tokoh mufassir yang cenderung mentafsirkan al-Quran mengikut aliran islah. Aliran tersebut merupakan satu aliran pemikiran yang dibawa masuk oleh para graduan Timur Tengah khususnya dari *al-Azhar* dan *Madrasah Da’wah wa al-Irsyād* yang diasaskan oleh Sayyid Muhammad Rashid Ridā.¹⁷ Kepulangan para graduan tersebut ke tanah air telah menggerakkan satu usaha ke arah melahirkan idea pembaharuan Islam dalam masyarakat Melayu ketika itu. Usaha tersebut menyaksikan terhasilnya aktiviti pentafsiran al-Quran mengikut aliran islah yang telah melalui dua peringkat;

Peringkat Pertama: Aktiviti Terjemahan Karya-Karya Asli¹⁸

Aktiviti tersebut adalah berbentuk usaha-usaha terjemahan terhadap karya-karya tafsir aliran islah ke dalam Bahasa Melayu secara kecil-kecilan. Usaha tersebut menjadikan karya-karya tafsir beraliran islah mendapat tempat di hati masyarakat Islam Tanah Melayu ketika itu. Ia dibuktikan dengan terhasilnya karya terjemahan terhadap kitab *Tafsir Juz ’Amma* dan *Tafsir al-Fatiḥah* hasil karya Syeikh Muhammad Abduh yang diterjemahkan ke Bahasa Melayu oleh Syed Syeikh al-Hadi. Ternyata usaha yang dihidupkan oleh Syed Syeikh al-Hadi dalam menterjemahkan karya-karya tafsir beraliran islah, diteruskan oleh Yusoff Zaky Yaacob yang menghasilkan karya terjemahan lengkap 30 juzuk tafsir islah terbesar iaitu ‘*Tafsir Fi Zilal al-Qur’ān – Di bawah Bayangan al-Qur’ān*’.

Walaupun sekadar karya terjemahan yang dihasilkan, ternyata usaha tersebut telah mewarnai sejarah pengajian tafsir di Malaysia. Didapati pada peringkat ini, usaha yang telah dilaksanakan oleh para mufassir beraliran islah telah banyak membantu masyarakat Islam

¹⁴ Muhammad Ibrāhīm Sharīf, *Ittijāhāt Al-Tajdīd Fī Tafsīr Al-Qur’ān Al-Karīm* (Kaherah: Dār al-Salām Li al-Ṭibā’ah wa al-Nashr wa al-Tawzī’ wa al-Turjumah, 2008), 148-149.

¹⁵ ‘Ādil Husayn Ghānim, “Iṣlāh ‘Ilm Al-Tafsīr Fī Al-Tafsīr Al-Hadīth,” ed. ‘Alī As’ad (al-Quds: ‘Āsimah al-Thaqāfah al-Ārabiyyah, 2009), 672.

¹⁶ Muhamad Zaid Ismail dan Norahida Mohamed, “Islah dan Tajdid: Pendekatan Pembinaan Semula Tamadun Islam”, dalam *Proceedings of ICIC2015 – International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia, 6-7 September 2015*, 2015, 686.

¹⁷ Mustafa Abdullah, “Pengaruh Reformis Mesir dan Kesannya Terhadap Perkembangan Penulisan Karya-Karya Tafsir di Nusantara”, xiv.

¹⁸ Mustafa Abdullah, “Pengaruh Reformis Mesir Dan Kesannya Terhadap Perkembangan Penulisan Karya-Karya Tafsir Di Nusantara”, xiv-xv.

untuk memahami al-Quran dengan lebih baik. Walupun ketika itu, sebahagian besar masyarakat Islam setempat tidak mahir dengan bahasa Arab, tetapi ternyata dengan usaha terjemahan tersebut banyak membantu mereka untuk memahami isi kandungan al-Qur'an sekaligus dapat membimbing mereka untuk beramal dengan isi kandungan al-Qur'an tanpa sebarang tokok tambah yang dianggap bida'ah di sisi Islam.

Peringkat Kedua – Penghasilan Karya Asli¹⁹

Selain daripada karya-karya terjemahan terhadap karya-karya tafsir yang bersifat aliran islah, lahirnya pula karya-karya tafsir asli yang telah diusahakan oleh para ulama islah. Matlamat mereka adalah untuk mengembalikan umat Islam di tanah air kepada ajaran al-Quran dan al-Sunnah, sekaligus menolak pelbagai *bid'ah*, *khurāfat* dan *taklid* yang diamalkan secara berleluasa oleh masyarakat Islam.²⁰

Justeru, atas matlamat tersebut maka lahirlah banyak karya tafsir asli yang diusahakan oleh para ulama tafsir yang beraliran islah seperti *Intisari Juzuk 'Amma* karya Syeikh Abu Bakar al-Ashaari (1904-1970),²¹ *Tafsir al-Qur'an al-Hakim* hasil karya Mustafa Abdul Rahman (1918-1968),²² dan *Tafsir al-Rawi-Juzu' 'Amma* karya Haji Yusof bin Haji Abdullah al-Rawi (1922-2000).²³ Kesemua tafsir tersebut dikategorikan sebagai karya-karya tafsir yang mengandungi pemikiran-pemikiran islah yang bersesuaian dengan isu-isu yang melanda masyarakat Islam ketika itu seperti isu syirik, bidaah dan khurafat. Begitu juga yang didapati dalam karya tafsir al-Quran oleh TGNA dan TGHH yang dilihat cenderung mentafsirkan al-Quran mengikut realiti semasa yang berlaku dalam masyarakat Islam di Malaysia.

BIOGRAFI TOKOH TUAN GURU DATO' BENTARA SETIA HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT

Al-Marhum Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat merupakan Menteri Besar Kelantan dari tahun 1990 hingga 2013. Beliau adalah seorang ulama yang selalu merendah diri, tetapi disegani teman mahupun lawan terutamanya dalam aspek kepimpinan dan keilmuan beliau. Beliau yang dilahirkan di Kampung Pulau Melaka, Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1931 dalam sebuah keluarga ilmuwan Islam. Beliau adalah berketurunan Raja Jembal. Beliau mendapat pendidikan awal daripada al-marhum ayahandanya sendiri terutamanya dalam ilmu tajwid al-Quran dan membaca al-Quran. Beliau mendapat pendidikan formal yang pertama di Sekolah Kebangsaan Kedai Lalat, ketika beliau masih lagi berumur enam tahun. Beliau tidaklah lama di sekolah tersebut kerana tidak serasi di sekolah tersebut. Oleh yang demikian, ayahandanya telah menghantar beliau ke sekolah pondok kerana lebih sesuai dengan jiwa dan naluri beliau.

Dalam tempoh tersebut, beliau pernah berguru dengan beberapa orang tokoh ulama terkenal ketika itu. Antaranya Maulana Tok Khurasan (ulama terkenal di Kelantan) dan Tuan Guru Hj. Abbas (ulama terkenal di Terengganu). Pada tahun 1952, beliau telah

¹⁹ Mustafa Abdullah, "Pengaruh Reformis Mesir Dan Kesannya Terhadap Perkembangan Penulisan Karya-Karya Tafsir Di Nusantara", xiv-xv.

²⁰ Mustaffa Abdullah, *Khazanah Tafsir Di Malaysia* (Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009), 94.

²¹ Mustaffa Abdullah, 100.

²² Ibid, 186.

²³ Ibid, 222-223.

bermusafir ke India kerana menyambung pengajian di Universiti Deoband di bawah bimbingan tokoh ulama hadith terkenal seperti Maulana Husayn Ahmad al-Madānī. Pada tahun 1957, beliau berjaya menamatkan pengajian di sana. Kemudian berhijrah ke Lahore, Pakistan bagi mendalami pengajian tafsir. Beliau seterusnya melanjutkan pengajian di Universiti al-Azhar, Mesir bagi melayakkannya mendapat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab. Seterusnya beliau melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dalam jurusan Syariah (Perundangan Islam). Selepas menamatkan pengajian diperingkat Ijazah Sarjana Syariah, beliau meneruskan pengajian beliau di peringkat diploma. Namun, beliau tidak sempat untuk menamatkan pengajian pada peringkat tersebut kerana membuat keputusan untuk kembali ke tanah air pada awal tahun 1962. Begitulah kesungguhan yang ditunjukkan oleh tokoh ulama ini dalam menimba ilmu pengetahuan.

Setelah menghabiskan masa selama hampir 10 tahun menimba ilmu pengetahuan dalam pelbagai peringkat dan lapangan terutamanya di luar negara, beliau kembali ke tanah air untuk menabur bakti kepada masyarakat sebagai seorang pendidik di beberapa buah sekolah agama di negeri Kelantan. Beliau juga tidak lokek dalam menghulurkan khidmat baktinya mendidik golongan tua pada waktu malam. Kesungguhan beliau dalam mendidik masyarakat telah menyerahkan diri beliau sebagai seorang murabbi ummah walaupun selepas beliau diamanahkan sebagai Menteri Besar Kelantan selama 23 tahun. Hal ini dapat dapat dibuktikan dengan keterlibatan beliau dengan mengendalikan kuliah-kuliah agama di merata-rata tempat.²⁴

Beliau dilihat sentiasa memanipulasikan masanya bagi mencapai objektif penyebaran ilmu terutamanya pada malam hari, ia dipenuhi dengan kuliah dan ceramah agama yang dijalankan di sekitar Kota Bharu. Aktiviti tersebut boleh dikategorikan kepada tiga bentuk iaitu kuliah harian, mingguan dan ceramah bebas. Kuliah-kuliah tersebut adalah merangkumi pengajian *al-Hadīth*,²⁵ pengajian *fiqh al-Sīrah* dan *Tasawuf*,²⁶ dan pengajian tafsir.²⁷ Hasil daripada kuliah-kuliah beliau tersebut, terutamanya kuliah tafsir maka terhasillah beberapa buah karya tafsir penuh mahu pun karya-karya yang diselitkan huraihan tafsir bagi ayat-ayat tertentu.

BIOGRAFI TUAN GURU DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG

Tuan Guru Dato' Seri Haji Abdul Haji bin Awang merupakan seorang ulama yang disegani dan merupakan Presiden Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Beliau dilahirkan pada 20 Oktober 1947 di Kampung Rusila, Marang, Terengganu. Ayahnya bernama Haji Awang Muhammad bin Abdul Rahman merupakan seorang tokoh ulama yang terkenal di Terengganu. Manakala ibunya pula, Hajah Aminah binti Yusuff juga menjadi tempat rujukan dan tumpuan masyarakat terutama dalam perkara yang berkait dengan agama.

Beliau menerima pendidikan formal di Sekolah Melayu Kebangsaan Rusila, Marang, Terengganu. Seterusnya melanjutkan pelajaran di peringkat menengah di Sekolah Menengah Agama Marang semasa berada di peringkat menengah rendah dan di Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu semasa berada di peringkat

²⁴ Maklumat ini disunting daripada Surathman dan Norfadzilah, "Pemikiran Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat Dalam Ekonomi," *Jurnal Usuluddin*, 20 (2004), 70-74, Mustaffa Abdullah, *Khazanah Tafsir Di Malaysia*, 244-245 dan Shukeri Mohamad and Mohamad Azrien, "Tok Guru Nik Aziz Pencetus Siasah Syar'iyyah Dalam Sistem Politik Moden," in *Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2016*, 22 Dan 23 November 2016, 2016, 1-2.

²⁵ Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz menggunakan kitab *Riyāḍ al-Sāliḥīn* dalam kuliah Subuh.

²⁶ Dalam kuliah mingguan yang diadakan pada malam Jumaat dan Khamis ini, beliau menggunakan kitab *Qasaṣ al-Anbiyā'* karya Ibn Kathīr dan kitab *Bimbungan Mukmin* karya Imam al-Ghazālī.

²⁷ Kuliah yang diadakan pada setiap hari Jumaat bertempat di Dewan Zulkifli Muhammad, Kota Bharu.

menengah atas. Kemudian beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Islam Madinah pada tahun 1969 hingga 1973 bagi melayakkan beliau memperolehi Ijazah Pertama selepas memperolehi biasiswa daripada Kerajaan Arab Saudi. Beliau kemudiannya menyambung pengajian ke peringkat seterusnya di Universiti al-Azhar, Mesir bagi melayakkannya mendapat Ijazah Sarjana dalam bidang Siasah Syar'iyyah. Setelah lebih kurang tujuh tahun berada di perantauan, beliau pulang ke tanah air pada tahun 1976.

Sepanjang bergelar seorang pelajar, beliau pernah berguru dengan ramai tokoh ulama seperti Sheikh Yusuf Zawawi, Mufti kerajaan negeri Terengganu dan Sheikh Ābu Bakr Jābir al-Jazairi seorang tokoh ulama tafsir di Universiti Islam Madinah dan Masjid Nabawi, Madinah. Beliau menunjukkan minat yang sangat mendalam dalam bidang tafsir al-Quran sehingga beliau memilih untuk membuat kajian dalam bidang tafsir dengan mengkaji kitab *Tafsīr Adwā' al-Bayān* karangan Sheikh Muhammad Amīn al-Syanqīti.²⁸

Setelah kepulangannya ke tanah air, beliau melibatkan diri secara aktif dalam tafsir al-Quran. Hal ini dapat dilihat berdasarkan kuliah-kuliah tafsir yang disampaikan di Masjid Rusila, Marang, Terengganu selepas beliau mengambil alih tugas dakwah yang pernah dilaksanakan oleh ayah dan datuknya. Dari aspek rujukan, beliau banyak merujuk kitab tafsir *al-Qurṭubī*, tafsir *Ibn Kathīr*, *Fath al-Qadīr*, *Fī Zilāl al-Qur'ān*, *Tafsīr al-Azhar*, *Ruh al-Ma'ānī* dan beberapa buah lagi buku tafsir yang lain sebelum menyampaikan kuliah. Didapati dalam pentafsiran oleh Tuan Guru Dato' Seri, beberapa elemen tafsir haraki dapat dikesan antaranya adalah penekanan kepada isu akidah sebagai teras dakwah, menganalisis kandungan surah secara holistik dengan menonjolkan peristiwa dan situasi yang melatari penurunan ayat atau surah (*jaww al-Nuzūl*), memperluaskan makna ayat dan pengajaran ayat dengan mengambil kira konteks semasa dan penjelasan tentang hikmah pensyariatan. Teknik persembahan tafsir adalah sebagaimana kitab tafsir analitik (*tahlīlī*) yang lain iaitu penjelasan dari aspek *al-Makkī* atau *al-Madanī*, kesatuan tema dalam surah, seterusnya diikuti dengan kupasan ayat demi ayat.

Hasil daripada siri-siri kuliah yang diadakan, maka terhasillah beberapa buah karya tafsir yang diterbitkan. Hal ini mengukuhkan lagi sumbangan beliau dalam bidang tersebut. Antaranya *Tafsīr at-Tibyan: Tafsīr Surah al-Baqarah ayat 83-160*, *Tafsīr at-Tibyan: Tafsīr Surah Al-Baqarah Ayat 1-82*, *Tafsīr Surah al-Kahfī*, *At-Tibyan dalam Mentafsirkan al-Quran Surah al-Hujurat*, *At-Tibyan Dalam Mentafsirkan al-Quran: Surah As Saff*, *Tafsīr at-Tibyan Surah Yasin*, *At-Tibyan Dalam Mentafsirkan Al-Quran: Surah Al-Baqarah*, *At-Tibyan Dalam Mentafsirkan al-Quran Surah al-Fil dan al-Hasyr*, *Al-Tibyan Dalam Mentafsirkan Al-Quran Surah Luqman dan Kuliah Tuan Guru Abdul Hadi Awang Tafsīr Surah al-Baqarah*.²⁹

ANALISIS TERHADAP PEMIKIRAN TOKOH

Bagi mendapatkan analisis yang mendalam terhadap pemikiran Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj. Nik Abdul Aziz bin Nik Mat dan Tuan Guru Dato' Seri Hj. Abdul Hadi bin Awang

²⁸ Maklumat berkenaan biografi ringkas Tuan Guru Dato' Seri Haji Abdul Hadi disunting oleh penulis berpandukan buku *Khazanah Tafsir di Malaysia* karangan Mustaffa Abdullah (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2009), 296-298.

²⁹ Maklumat ini disunting daripada kajian Haziyah Hussin, "Sumbangan Tuan Guru Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang Dalam Peradaban Tafsir Di Malaysia, dalam *Kertas Kerja Daripada Kajian Di Bawah Geran Penulisan Luar PP-2017-006, Kerjasama Antara UKM Dengan Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia, Kelantan* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017), 2-5.

dalam tentang petikan ayat-ayat al-Quran, beberapa buah karya yang dihasilkan oleh kedua-dua tokoh tersebut dan juga beberapa artikel akademik berkaitan tokoh-tokoh tersebut dipilih untuk dianalisis dalam kajian ini. Berikut adalah analisis tentang pentafsiran al-Quran oleh kedua-dua tokoh ulama tersebut;

Pemikiran Tuan Guru Nik Abdul Azizi Nik Mat (TGNA) Dalam Tafsir Al-Quran

Pentafsiran al-Quran berdasarkan pemikiran Islāh al-‘Ibādah dan Islāh al-Akhlāq

Firman Allah S.W.T:

أَعْلَمُو أَنَّمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَعِبٌ وَهُوَ وَزِينَةٌ وَتَفَاخُرٌ بَيْنَكُمْ وَتَكَاثُرٌ فِي الْأَمْوَالِ وَالْأَوْلَادِ كَمَثَلٍ
غَيْثٍ أَعْجَبَ الْكُفَّارَ نَبَاتٌ، ثُمَّ يَهْبِطُ فَتَرَاهُ مُصْفَرًا حُطَّامًا

al-Hadīd 57: 20

Terjemahan: “Ketahuilah, bahawa sesungguhnya kehidupan dunia itu hanyalah permainan dan sesuatu yang melalaikan, perhiasan dan bermegah-megah antara kamu serta berbangga-bangga tentang banyaknya harta dan anak, seperti hujan yang tanamannya mengagumkan para petani; kemudian tanaman itu menjadi kering dan kamu lihat warna kuning kemudian menjadi hancur...”

Dalam isu ini, didapati TGNA memberikan pentafsiran sebagaimana demikian, “Demikianlah Allah menjelaskan bahawa harta benda dunia itu tidak kekal, dengan itu amatlah malang jika seseorang itu boleh terpengaruh dengan benda-benda yang tidak kekal, sehingga tidak lagi mengambil kira sama ada bakal menantu itu seorang yang zalim, fasik, peminum arak atau penagih dadah serta orang yang membuat perkara bidaah dan sebagainya”.³⁰

Sebelum itu, didapati beliau memberikan saranan kepada wali agar tidak mengahwinkan anak perempunnya dengan seorang lelaki yang berjawatan tinggi, berpangkat besar dan banyak harta kekayaan tetapi jauh dari agama. Tambah beliau lagi, dasar takwa dalam agenda untuk membina sebuah mahligai perkahwinan perlu diberikan keutamaan, bukannya atas dasar darjat keturunan semata-mata. Justeru, tugas sebagai seorang wali hendaklah mengkaji siapakah bakal menantunya kerana jika tersalah memilih, maka ia dianggap jenayah di dalam Islam kerana telah menzalimi anak perempuan sendiri.³¹

Oleh yang demikian, didapati kecenderungan pemikiran Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz dalam mentafsirkan ayat ini mengandungi dua elemen pemikiran Islah iaitu *Islāh al-‘Ibādah* (mengahwinkan anak perempuan) dan *Islāh al-Akhlāq* (memilih bakal suami yang berakhlik mulia kepada anak perempuan). Kecenderungan pemikiran beliau dalam kedua-dua elemen islah tersebut jelas dapat dilihat terutamanya apabila beliau memberikan penekanan kepada para kaum bapa agar memastikan bakal suami kepada anak perempuan mereka adalah seorang yang bertakwa dan beramal soleh. Hal ini kerana urusan perkahwinan bukannya suatu perkara yang remeh, bahkan ia merupakan satu ibadat di sisi Islam. Justeru, demi memastikan mahligai perkahwinan yang dibina akan melahirkan zuriat-zuriat yang soleh, maka ia hendaklah dibina atas dasar takwa dan ibadat.

³⁰ Mashhudi Bunyani, *Syurga Perkahwinan* (Kuala Lumpur: Dinie Publisher, t.t), 37.

³¹ Mashhudi Bunyani, *Syurga Perkahwinan*, 37.

Pentafsiran al-Quran berdasarkan pemikiran Islāh al-Akhlāq

Firman Allah S.W.T:

وَعَاشُرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

al-Nisā' 4: 19

Terjemahan: “Bermu’asyarahlah (bergaul atau berkeluarga) terhadap kaum wanita (isteri) itu dengan baik”

TGNA memberikan pentafsiran terhadap ayat ini sebagaimana demikian, “Isteri adalah manusia yang paling akrab hubungannya dengan seorang lelaki (suami), meskipun ibu juga adalah wanita terdekat dengan lelaki tersebut. Namun hubungan wanita yang bertaraf isteri itu melebihi dari segala-galanya. Bukan sekadar ia halal dipandang malah ia halal untuk ditidur sekamar dan sebagainya. Kerana kedudukannya yang begitu istimewa maka Islam telah menganjurkan agar bermu’asyarah (menggauli) dengan secara yang makruf. Sesungguhnya perintah itu adalah perintah yang wajib dari Allah S.W.T”.³²

Didapati pentafsiran ayat al-Quran yang sedemikian mengandungi elemen pemikiran *Islāh al-Akhlāq* yang perlu diberikan perhatian dan keutamaan oleh para suami semasa mengharungi bahtera rumah tangga. Justeru, beliau menyarankan agar para suami hendaklah berakhhlak mulia dengan isteri-isteri mereka, menegur dan menasihati mereka dengan penuh sabar. Malah beliau menempelak para suami yang tidak sabar dengan perangai hodoh isteri-isteri dengan turut sama menggelarnya sebagai berperangai hodoh.

Pentafsiran al-Quran berdasarkan pemikiran Islāh al-Māl

Firman Allah S.W.T:

وَكُلُوا وَأْشْرِبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ

al-A'rāf 7: 31

Terjemahan: “...Dan makan minumlah dan jangan melampaui batas, sesungguhnya Dia tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas”

Didapati ayat tersebut ditafsirkan oleh TGNA dalam konteks ekonomi rumah tangga. Beliau menegaskan walaupun ayat ini menyentuh soal makan minum, tetapi melampaui batas atau boros pada ayat tersebut tidak terbatas dalam soal makan minum sahaja. Ia boleh ditafsirkan dengan lebih meluas. Jangan terlampau banyak makan minum sehingga memudaratkan diri, boleh juga ditakrifkan sebagai melampaui atau boros berbelanja, malah banyak lagi pekara melampaui yang ada hubungkait dengan kehidupan rumah tangga Islam, yang kesemuanya dibenci oleh Allah S.W.T.³³

Dalam erti kata lain, beliau menegaskan setiap suami berperanan sebagai ketua keluarga yang perlu memastikan keluarganya hidup dalam kesederhanaan dan berjimat cermat, terutamanya berkaitan perbelanjaan makan minum, tempat tinggal mahupun pakaian. Memadailah sekadar memenuhi keperluan sahaja.

³² Mashhudi Bunyani, 48.

³³ Ibid, 66-67.

Dalam hal inilah, terserlah kecenderungan beliau dalam mentafsirkan ayat al-Quran berdasarkan elemen pemikiran *İslâh al-Mâl*. Jelas pentafsiran beliau dalam ayat tersebut mengajak para suami agar dapat mendidik setiap ahli keluarga mereka untuk hidup dalam kesederhanaan, sekaligus mengelakkan diri daripada terjerumus kepada pembaziran harta benda.

Pentafsiran al-Quran berdasarkan pemikiran *İslâh al-Akhlâq*

Firman Allah S.W.T:

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَا تُعْسِطُوا فِي الْيَتَمَّى فَأَنْكِحُوهُ مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَئْتَى وَثُلُثَ وَرُبْعٌ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَا تَعْدِلُونَ فَوَجِدَةً

al-Nisâ' 4: 3

Terjemahan: “Maka berkahwinlah kamu dengan wanita-wanita yang kamu sukai, dua, tiga atau empat. Maka sekiranya kamu berasa takut tidak dapat berlaku adil (di antara isteri-isteri), maka memadailah seorang sahaja”

Tegas TGNA, ayat tersebut memberikan penerangan kepada setiap lelaki Islam yang hendak menambah bilangan isteri hendaklah memahami kedudukan diri, mengukur keupayaan dalam pelbagai hal, termasuk keupayaan ilmu untuk memahami perkara yang berkaitan dengan kewajipan untuk berlaku adil yang melibatkan soal harta benda dan kekuatan fizikal. Agar dengannya penganiayaan dapat dihindarkan.³⁴ Hal ini telah mengubah pemikiran lelaki Melayu Islam yang berpegang bahawa suami sememangnya bebas dan berkuasa untuk berpoligami. Jelas pemikiran sebegitu jauh daripada landasan Islam yang sebenar.

Pada hakikatnya, pemikiran beliau dalam isu berpoligami adalah bertujuan untuk mendidik para suami agar tidak menjadikan kehendak nafsu syahwat sebagai perkara yang utama, sekaligus mengabaikan tanggungjawab terhadap isteri serta melupakan keadilan. Justeru, didapati terdapat elemen pemikiran *İslâh al-Akhlâq* yang diutarakan oleh beliau dalam konteks kekeluargaan.

Pentafsiran al-Quran berdasarkan pemikiran *İslâh al-'Aqîdah*

Pemikiran Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz dalam hal ini dapat dilihat dalam surah *al-Talâq* ayat 2 hingga 3.

Firman Allah S.W.T:

وَمَنْ يَتَّقِ اللهُ يَجْعَلَ لَهُ حَمْرَاجًا ﴿٢﴾ وَيَرْزُقُهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللهِ فَهُوَ حَسْبُهُ إِنَّ اللهَ بِلِغْ أَمْرِهِ قَدْ جَعَلَ اللهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا ﴿٣﴾

Al-Talâq 65: 2-3

³⁴ Ibid, 85.

Terjemahan: “Barang siapa yang bertakwa kepada Allah, nescaya Allah akan membuka jalan keluar baginya. Dan Dia memberi rezeki dari arah yang tidak disangka-sangka. Dan barang siapa yang bertawakal kepada Allah nescaya Allah akan mencukupkan (keperluan)nya. Sesungguhnya Allah melaksanakan urusan-Nya. Sesungguhnya Allah telah mengadakan ketentuan bagi setiap sesuatu”.

Didapati TGNA memasukkan elemen pemikiran *Islāh al-‘Aqīdah* dalam mentafsirkan ayat tersebut. Beliau menyeru masyarakat agar sedar dan insaf serta berpegang teguh dengan konsep *Qadr Ilāhi* kerana setiap sesuatu itu ada terselit hikmah tertentu. Justeru beliau mentafsirkan ayat ini sebagai demikian, “kita yakin bahawa kalau kita mundur dalam pembangunan kebendaan tetapi maju di bidang keselamatan akidah kita akan lebih beruntung dan berjaya di sisi Allah”.³⁵ Dalam memahami pemikiran beliau dalam aspek akidah ini, didapati beliau mendidik masyarakat supaya menjadikan pegangan akidah yang sahih sebagai teras utama dalam apa sahaja gerak kerja di dunia ini. Hal ini penting agar setiap aspek pekerjaan yang dilakukan oleh setiap individu mendapat ganjaran yang berharga di sisi Allah S.W.T. sama ada di dunia mahu pun diakhirat. Jika sebaliknya, hanya kejayaan didunia yang akan dikecapi tanpa membawa bekalan yang berharga untuk kehidupan di akhirat kelak.

Pemikiran Islah Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (TGHH) Dalam Tafsir al-Quran

Pentafsiran al-Quran berdasarkan pemikiran Islāh al-‘Aqīdah

Firman Allah S.W.T:

يَأَيُّهَا النَّاسُ أَعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٢١﴾ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فِرْشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الْثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَّكُمْ فَلَا يَجْعَلُونَا إِلَّهًا أَنْدَادًا وَإِنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٢﴾

al-Baqarah 2: 21-22

Terjemahan: “Wahai manusia! Sembahlah akan Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu dan yang menjadikan orang-orang yang terdahulu daripada kamu supaya kamu bertakwa kepada Allah. Yang menjadikan kepada kamu bumi sebagai hamparan dan langit sebagai binaan serta diturunkan air daripada langit maka ia mengeluarkan dengannya buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu, maka janganlah kamu jadikan bagi Allah itu sekutu-sekutu padahal kamu mengetahui”.

TGHH mentafsirkan ayat tersebut kepada tiga bahagian, iaitu:³⁶

- i. Manusia tidak kira golongan yang beriman, kafir mahupun munafik hendaklah yakin akan kewujudan Allah S.W.T dan hendaklah mengabdikan

³⁵ Nik Abdul Aziz (1995) dalam Muhammad Izdihar, “Konsep Dakwah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat Dalam Pembinaan Keislaman Rakyat Negeri Kelantan,” *Al-Idarah*, 2, 1 (Jan-Jun 2018): 133.

³⁶ Abdul Hadi Awang, *Tafsir At-Tibyan Tafsir Surah Al-Baqarah Ayat 1-82* (Kuala Lumpur: Penerbitan Harakah, 2014), 54-57.

diri kepada-Nya dalam ibadah dan kehidupan. Tafsiran yang diberikan oleh beliau ternyata mampu untuk mematahkan hujah golongan Ateis yang mendakwa kejadian manusia sebenarnya berlaku akibat dari hubungan antara ibu dengan bapa semata-mata tanpa ada kaitan sedikit pun dengan kekuasaan dan ketentuan Allah S.W.T. Tegas beliau, sekiranya perkara tersebut berlaku maka tidak adalah orang yang mandul di atas muka bumi ini dan sudah tentu pasangan suami isteri boleh menentukan jantina anak mereka sama ada lelaki atau perempuan sebelum ia dilahirkan. Maka jelaslah, Allah S.W.T adalah Tuhan yang selayaknya diimani dan disembah oleh sekalian manusia.

- ii. Kejadian langit dan bumi ialah bukti keagungan dan kebesaran Allah S.W.T. TGHH memberikan tafsiran dalam ayat tersebut, Allah S.W.T yang menjadikan bumi sebagai hamparan untuk manusia mencari nikmat Allah S.W.T dan rezeki-Nya. Langit yang terbina tanpa tiang utuh berdiri memayungi alam cakerawala ini, dihiasi bintang-bintang, bulan, matahari dan planet-planet yang beredar mengikut jalannya, pasti mendatangkan perasaan insaf dalam diri manusia.
- iii. Seruan agar umat Islam menghindarkan diri daripada menyekutukan Allah S.W.T. Dengan kata lain, umat Islam hendaklah menghindarkan diri daripada setiap perkara yang boleh membuatkan mereka menyekutukan Allah S.W.T. Sebagai contohnya, para nelayan pada zaman dahulu akan mengadakan upacara memuja dewa laut supaya ikan di laut sentiasa banyak, sekaligus rezeki mereka akan bertambah banyak. Perbuatan sebeginilah yang dimaksudkan sebagai perbuatan syirik, iaitu menganggap ada kuasa lain yang memberi rezeki selain Allah S.W.T. Tambah beliau lagi, ada dalam kalangan umat Islam yang mengatakan perbuatan tersebut adalah ikhtiar. Tetapi ia tidak boleh dianggap ikhtiar kerana sudah terang lagi bersuluh bahawa perbuatan-perbuatan sedemikian tidak dihalalkan oleh Allah S.W.T.

Oleh yang demikian, tafsiran yang diberikan oleh TGHH dilihat mendidik manusia secara amnya dan umat Islam khususnya agar kembali kepada ajaran Islam khususnya bagi meyakini kewujudan Allah S.W.T, mentauhidkan-Nya dan menyembah-Nya mengikut acuan akidah yang sebenar. Maka pemikiran beliau dalam mentafsirkan ayat tersebut, didapati mempunyai elemen pemikiran *Islāh al-'Aqīdah*.

Pentafsiran al-Quran berdasarkan pemikiran *Islāh al-Siyāsah*

Firman Allah S.W.T:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيقَةً قَالُوا أَجَعَّلُ فِيهَا مَن يُفْسِدُ فِيهَا
وَيَسْفِلُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسْتَخْ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ
al-Baqarah 2: 30

Terjemahan: “Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: ‘Sesunggungnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi’. Mereka berkata: ‘Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerosakan pada nya dan

menumpahkan darah padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan menyucikan Engkau?’ Tuhan berfirman: ‘Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang kamu tidak ketahui’.

Semasa membincangkan ayat ini, TGHH memfokuskan perbincangan pada perkataan “*khalifah*”. Menurut beliau, perkataan tersebut diertikan sebagai pengganti daripada makhluk yang dahulu daripada manusia, di mana sebelum manusia hidup di atas muka bumi ini, Allah S.W.T terlebih dahulu mengadakan makhluk yang lain iaitu golongan jin. Golongan jin telah melakukan kerosakan dan kejahanatan di atas muka bumi, lalu Allah S.W.T menyatakan kepada para malaikat bahawa Dia akan menjadikan khalifah (pengganti) dari kalangan manusia untuk menggantikan golongan jin. Hal ini bertujuan untuk menegakkan agama Islam dan mentadbir dunia ini.³⁷

Tambah beliau lagi, perkataan khalifah dimaksudkan juga untuk mengganti para nabi dan rasul dalam menegakkan agama dan mentadbir dunia dengan agama atau disebut dengan “*Hirārah al-Dīn wa Siyārah al-Dunya bih*”.³⁸ Justeru dalam konteks Islam semasa, dapat difahami bahawa matlamat yang hendak dicapai daripada perkataan khalifah ialah menegakkan agama Islam dan memerintah serta mentadbir dunia ini dengan berpandukan politik Islam. Oleh yang demikian, TGHH mengutarakan firman Allah S.W.T dalam surah Āli-‘Imrān ayat 28 bagi mengukuhkan lagi pentafsiran terhadap firman Allah S.W.T dalam ayat 30 surah al-Baqarah di atas.

Firman Allah S.W.T:

لَا يَتَّخِذِ الْمُؤْمِنُونَ الْكَافِرِينَ أَوْلَيَاءَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَلَيْسَ مِنَ اللَّهِ فِي شَيْءٍ إِلَّا أَنْ تَتَّقُوا مِنْهُمْ تُقَاءً وَيُحَدِّرُوكُمُ اللَّهُ نَفْسَهُ وَإِلَى اللَّهِ الْمَصِيرُ

Āli-‘Imrān 3: 28

Terjemahan: “Tidak harus bagi orang mukmin mengambil orang kafir sebagai pemimpin dan meninggalkan orang yang beriman. Dan sesiapa yang melakukan larangan yang demikian, maka tiadalah ia perlindungan daripada Allah dalam sesuatu apa juga kecuali kerana hendak menjaga diri daripada sesuatu bahaya yang ditakuti daripada pihak mereka (yang kafir itu). Dan kepada Allah-lah tempat kembali”.

Tegas beliau, apabila orang kafir menjajah negeri Islam maka orang Islam tidak ada daya dan upaya.³⁹ Ertinya, dia boleh taat dalam perkara yang tidak bercanggah dengan agama. Jika sebaliknya, maka hendaklah menggulingkan pemerintahan tersebut dan menggantikannya dengan pemerintahan Islam.

Dalam perbincangan yang seterusnya, beliau memperincikan lagi ciri-ciri pemerintahan Islam. Tegas beliau, individu yang dilantik menjadi pemerintah atau ketua negara hendaklah seorang yang mempunyai maklumat, pengalaman serta boleh mentadbir negeri sama ada ketika peperangan mahupun ketika aman dan mempunyai sifat adil. Maksud adil di sini ialah tidak melakukan dosa besar dan dosa kecil. Ujarnya lagi, mengikut ulama apabila seseorang ketua negara itu fasik maka terpecahlah dia daripada menjadi seorang ketua negara mengikut hukum Islam.⁴⁰

³⁷ Abdul Hadi Awang, *Tafsir At-Tibyan Tafsir Surah Al-Baqarah Ayat 1-82*, 79-80.

³⁸ Abdul Hadi Awang, 81.

³⁹ Ibid, 86.

⁴⁰ Ibid, 87.

Justeru, analisis kajian menunjukkan pentafsiran yang diberikan oleh TGHH berkenaan perkataan *khalīfah* dalam ayat 30 surah al-Baqarah adalah merujuk kepada saranan beliau agar negara Malaysia ini dapat dipimpin berdasarkan politik Islam dan hukum Islam sepenuhnya. Dari sinilah, terserlah kecenderungan beliau dalam memandu umat Islam di Malaysia agar bersama-sama berusaha untuk menegakkan politik Islam dalam pentadbiran negara. Sekaligus membuktikan beliau merupakan seorang tokoh ulama tafsir yang cenderung ke arah elemen pemikiran *Islāh al-Siyāsah*.

Pentafsiran al-Quran berdasarkan pemikiran Islāh al-Ijtima'

Firman Allah S.W.T:

وَإِذْ أَحَدَنَا مِيقَاتِنِي إِسْرَئِيلَ لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهُ وَبِالْأُولَئِينَ إِحْسَانًا وَذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَةِ
وَالْمَسَاكِينِ وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنَا وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَءَاعُنُوا الْزَكُوْهُ ثُمَّ تَوَلَّتُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِنْكُمْ وَأَنْتُمْ

مُعَرِّضُونَ

al-Baqarah 2: 83

Terjemahan: “Dan (ingatlah) ketika Kami mengambil janji setia daripada Bani Israil, (aitu) janganlah kamu menyembah selain Allah dan berbuat baiklah kepada ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim dan orang miskin serta ucapkanlah kata-kata yang baik kepada manusia, dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat. Kemudian kamu tidak memenuhi janji itu kecuali sebahagian kecil daripada kamu dan kamu selalu mengingkarinya”.

Tuan Guru Dato’ Seri Haji Abdul Hadi mentafsirkan ayat tersebut dalam konteks yang berbeza, iaitu mengaitkan perilaku *Bani Israil* yang perlu dijadikan pengajaran dan pedoman oleh setiap umat Nabi Muhammad S.A.W. Justeru dalam hal ini, dapat dilihat Tuan Guru Dato’ Seri memberikan fokus kepada beberapa isu semasa mentafsirkan ayat tersebut. Seperti isu mentaati kedua ibu bapa, berbuat baik terhadap kaum keluarga, anak-anak yatim serta tidak menindas golongan miskin.

Isu *pertama* yang dibincangkan dalam ayat tersebut ialah isu mentaati kedua ibu bapa. Beliau telah mentafsirkan *وَبِالْأُولَئِينَ إِحْسَانًا*, dengan menyeru semua umat Islam agar mentaati kedua orang tua dalam perkara yang tidak bercanggah dengan hukum Allah S.W.T., sekalipun kedua orang tua adalah dalam kalangan orang kafir. Begitu juga dalam hal membuat kebaikan seperti menyediakan makanan kepada mereka, membantu keduanya dalam mengurus keperluan harian dan sebagainya, walaupun kedua ibu bapa adalah seorang yang kafir. Hal ini sememangnya telah menjadi satu kewajipan yang telah diwajibkan oleh Allah S.W.T kepada sekalian hamba-Nya yang Islam, sekaligus dapat memberikan kesan positif yang berpanjangan kepada kedua ibu bapa yang kafir untuk turut mengikut jejak langkah anaknya yang Islam. Berbeza dengan kelakuan *Bani Israil* terhadap ibu bapa mereka. Walaupun diperintahkan oleh Allah S.W.T supaya berbuat baik kepada kedua ibu bapa, mereka tidak menunaikan kewajipan tersebut. Bahkan dalam kalangan mereka ramai yang menderhakai kedua ibu bapa mereka.⁴¹

⁴¹ Abdul Hadi Awang, *Tafsir At-Tibyan Tafsir Surah Al-Baqarah 83-160* (Kuala Lumpur: Penerbitan Harakah, 2015), 3-4.

Isu **kedua**, ialah berkaitan ayat **وَذِي الْقُرْبَى** TGHH mentafsirkan ayat ini dengan memberikan satu penegasan supaya menghubungkan silaturahim dengan kaum keluarga, di samping berdoa kepada Allah S.W.T agar kaum keluarga kita berada dalam keadaan yang baik. Sekalipun menghadapi krisis yang besar dalam keluarga, janganlah sampai terputus ikatan tali persaudaraan. Tegas beliau lagi, jika kita marah kepada mereka, maka tidak boleh biarkan mereka masuk ke dalam neraka⁴² Sebaliknya, berdamailah dengan mereka dan dekatkan kembali jurang yang terbina daripada kemarahan tersebut.

Isu **ketiga** adalah berkaitan ayat **وَالْيَتَامَى**. Dalam hal ini, beliau mengingatkan umat Islam terutamanya orang yang diamanahkan untuk menjaga harta anak yatim agar sentiasa mengambil berat akan keadaan anak-anak yatim. Jika mereka susah, maka menjadi satu kewajipan kepada setiap orang Islam untuk membantu mereka, lebih-lebih lagi orang yang diamanahkan menjaga mereka. Jika melihat akhlak mereka tidak elok, maka menjadi kewajipan kepada kita untuk memperbetulkan akhlak mereka. Dengan kata lain, kita hendaklah mendidik, mengajar dan membimbing anak-anak yatim agar mereka tidak terbiar.⁴³

Isu **keempat** adalah berkenaan berbuat baik terhadap golongan miskin berpandukan ayat **وَالْمَسْكِينِ**. TGHH sekali lagi mengingatkan agar umat Islam dapat menjauhi perangai jahat Bani Israil. Hal ini adalah disebabkan golongan Bani Israil merupakan antara golongan yang terkenal sebagai golongan yang paling kuat makan riba sedari dahulu hingga sekarang. Walaupun Allah S.W.T memerintahkan mereka agar berbuat baik kepada orang miskin tetapi mereka mengambil peluang daripada kesusahan orang miskin dengan mengenakan riba ke atas pinjaman wang dan seumpamanya.⁴⁴ Akibat daripada perbuatan terkutuk itu, golongan miskin tertindas dan sentiasa berada dalam kesusahan.

Selain itu, beliau juga memberikan peringatan dalam isu tersebut agar kita tidak mengungkit-ungkit terhadap sesuatu barang yang kita sumbangkan kepada golongan miskin kerana perbuatan itu tidak dinamakan ‘ihsan’. Misalnya, seseorang yang memberikan sumbangan kepada golongan miskin mengatakan, “dia baiki rumah, sayalah yang beri duit kepadanya”. Dengan kata-kata seumpama itu, bermakna kita merendahkan harga diri golongan miskin tersebut.⁴⁵ Hal ini jugalah berlaku dalam kalangan *Bani Israil*, sehingga dilakukan juga oleh sebahagian umat Islam pada masa kini. Demikianlah elemen pemikiran *Islāh al-Ijtīmā’* yang dapat dikesan dalam karya tafsir Tuan Guru Dato’ Seri Haji Abdul Hadi Awang.

Pentafsiran al-Quran berasaskan pemikiran Islāh al-Akhlāq

Firman Allah S.W.T:

وَلَن تَرْضَى عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا أُنَصَّارُ حَتَّىٰ تَتَّبَعَ مِنْتَهِمْ فُلٌ إِنْ هُدَى اللَّهُ هُوَ أَهْمَدٌ وَلَئِنْ

أَتَّبَعْتَ أَهْوَاءَهُمْ بَعْدَ الَّذِي جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ مَا لَكَ مِنَ اللَّهِ مِنْ وَلِيٌّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿٦﴾

al-Baqarah 2: 120

⁴² Abdul Hadi Awang, 6.

⁴³ Ibid, 6.

⁴⁴ Ibid, 7.

⁴⁵ Ibid, 7.

Terjemahan: “Tidak akan meredai engkau oleh agama Yahudi dan Nasrani sehingga engkau mengikut agama mereka. Katakanlah, sesungguhnya petunjuk Allah itulah sebenarnya petunjuk, dan jika sekiranya engkau ikut akan hawa nafsu mereka itu, selepas datang ilmu kepada engkau maka Allah tidak akan menjadi pelindung dan penolong kepada engkau”

TGHH mentafsirkan ayat tersebut dengan memberikan nasihat agar umat Islam tidak mengikut kehendak dan sesekali tidak terpengaruh dengan orang Yahudi dan Nasrani. Kedua-dua golongan tersebut tidak akan reda kepada Islam dan umatnya sehingga orang Islam meninggalkan agama Islam. Begitu juga dengan orang kafir yang menyembah berhala dan matahari seperti Jepun dan Korea. Mereka lebih tidak reda kepada orang Islam.⁴⁶ Mereka tidak akan melakukan kebaikan melainkan untuk merosakkan, memusnah dan menyesatkan orang Islam.

Tambah beliau lagi dalam mentafsirkan ayat tersebut, “Apabila mereka menjadi kuasa-kuasa besar dunia, bank dunia berada di tangan Yahudi, Kristian, dan juga Komunis. Walaupun mereka memberikan bantuan kepada kita, mereka tidak akan reda dengan kita, sebaliknya mereka terus mencari jalan untuk merosakan umat Islam di dunia ini.⁴⁷ Beliau memberikan contoh, negara-negara berkuasa besar dunia seperti Amerika, Jerman Perancis dan China tidak akan memberi bantuan melainkan negeri yang bersetuju mengikut dasar dan undang-undang mereka.

Beliau juga mengajak umat Islam untuk melihat nasib negara-negara umat Islam yang berlutut kepada negara-negara kuasa besar tersebut. Mereka tidak dapat menyelesaikan masalah mereka walaupun sudah berpuluhan-puluhan tahun berlalu. Turut menerima tempias daripada isu tersebut, adalah termasuk juga negara kita Malaysia. Oleh kerana muhimbangungkan negara, akibatnya banyak masalah berlaku tidak dapat diatasi dengan berkesan seperti gejala keruntuhan akhlak. Tegas beliau, sememangnya benarlah firman Allah S.W.T:

وَلَئِنْ أَتَبَعْتَ أُهْوَاءَهُمْ بَعْدَ الَّذِي جَاءَكَ مِنْ أَعْلَمٍ

al-Baqarah 2: 120

Terjemahan: “Janganlah engkau ikut hawa nafsu mereka selepas datang kepadamu ilmu (wahyu daripada Allah)”.

Beliau mentafsirkan ayat tersebut sebagaimana demikian, “Allah S.W.T mengatakan jangan ikut hawa nafsu, Allah S.W.T tidak mengatakan ikut sistem, falsafah atau ideologi mereka (orang kafir)⁴⁸. Seperti orang Jepun yang amat rajin dalam bekerja tetapi mengabaikan solat. Sistem atau budaya kerja mereka sememangnya bagus, tetapi rajin mereka itu adalah mengikut nafsu kerana tidak mengikut kehendak Allah S.W.T. Begitulah juga kita umat Islam, sekiranya kita mementingkan hawa nafsu sebagaimana *Bani Israil* dan orang kafir, maka tidaklah ada nilai di sisi Allah S.W.T sesuatu pekerjaan yang kita laksanakan. Begitulah akhlak kita dengan Allah S.W.T. iaitu sesekali kita tidak boleh mengikut hawa nafsu semata-mata dalam kehidupan kita, bahkan keutamaan kita adalah mengikut panduan yang ditetapkan oleh Allah S.W.T berdasarkan ajaran al-Quran dan al-Hadith.

⁴⁶ Ibid, 120.

⁴⁷ Ibid, 121.

⁴⁸ Ibid, 123.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Setelah menekuni pentafsiran ayat-ayat al-Quran dalam karya kedua-dua tokoh dalam kajian ini, didapati idea-idea perbincangan yang diutarakan semasa mentafsirkan ayat-ayat al-Quran adalah bersifat mengajak umat Islam di Malaysia untuk kembali mengamalkan ajaran Islam berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah yang sebenar. Justeru, tidak keterlaluan jika kedua-dua tokoh tersebut dapat dikategorikan sebagai ulama yang beraliran Islah pada masa kini. Oleh yang demikian, berikut adalah beberapa kepentingan kajian yang terhasil daripada kajian ini;

- i. Kepentingan kepada masyarakat Islam. Mungkin ramai dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia mengenali kedua-dua tokoh tersebut dalam ruang lingkup politik tanah air sahaja. Namun begitu, mungkin ramai juga yang tidak mengetahui akan sumbangan mereka dalam dunia pentafsiran al-Quran. Maka kajian ini dapat mendedahkan kepada masyarakat Islam bahawa mereka merupakan ulama masa kini dalam tafsir al-Quran di Malaysia. Bahkan dapat menyedarkan masyarakat Islam bahawa mereka merupakan antara ulama tafsir al-Quran yang beraliran Islah di negara ini.
- ii. Kepentingan kepada penuntut universiti dalam bidang tafsir. Didapati kajian ini dapat menjadi sumber rujukan kepada calon-calon graduan dalam bidang tafsir al-Quran terutamanya bagi mereka yang lebih cenderung untuk mengkaji pemikiran ulama tafsir yang beraliran Islah di Malaysia.
- iii. Kepentingan kepada golongan agamawan. Tidak dinafikan golongan agamawan merupakan golongan yang menjadi rujukan terhadap masyarakat Islam di negara ini. Justeru, dengan adanya kajian sebegini mereka dapat menyebarkan idea-idea Islah yang dizahirkan melalui pentafsiran ayat-ayat al-Quran oleh kedua-dua tokoh tersebut. Maka hasil yang dapat dilihat daripada usaha tersebut, huraihan-huraihan terhadap petikan-petikan ayat al-Quran oleh golongan-golongan agamawan tidak lagi dilihat bersifat lapuk, bahkan huraihan-hurian yang diberikan akan lebih menarik dan mampu mengajak umat Islam untuk berubah ke arah yang lebih baik.

Kajian ini sudah tentu terdapat kelemahannya. Maka penulis menyenaraikan beberapa cadangan agar dapat dilaksanakan oleh penulis-penulis dalam bidang tafsir pada masa hadapan. Berikut merupakan beberapa cadangan daripada penulis;

- i. Memperbanyakkan rujukan berkaitan karya tafsir asli oleh kedua tokoh. Penulis mengakui terdapat kesukaran untuk mendapatkan bahan-bahan rujukan terutamanya karya tafsir asli daripada kedua-dua tokoh dalam tempoh waktu kajian yang terhad pada kali ini. Oleh itu, penulis mengambil keputusan untuk menganalisis sebuah karya berbentuk buku ilmiah dan sebuah artikel akademik yang mengandungi petikan-petikan ayat al-Quran yang telah ditafsirkan oleh Almarhum Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz bin Nik Mat. Karya-karya tersebut ialah *Syurga Perkahwinan* oleh Mashhudi Bunyani dan *Konsep Dakwah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat Dalam Pembinaan Keislaman Rakyat Negeri Kelantan* oleh Muhammad Izdihar. Manakala hanya dua buah karya tafsir asli oleh Tuan Guru Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang yang dijadikan bahan rujukan oleh penulis dalam kajian ini. Karya-karya tersebut adalah *Tafsir Surah al-Baqarah Ayat 1-82* dan *Tafsir Surah al-Baqarah Ayat 83-160*. Justeru, penulis mencadangkan agar para penyelidik yang ingin

menjalankan kajian berkaitan analisis pemikiran kedua-dua tokoh dalam tafsir al-Quran dapat mempelbagaikan bahan-bahan rujukan berkaitan tafsir al-Quran yang dihasilkan sendiri oleh kedua-dua tokoh tersebut. Hal ini juga adalah melibatkan analisis terhadap rakaman-rakaman kuliah tafsir oleh mereka berdua sama ada dalam bentuk CD mahupun melalui youtube.

- ii. Mempelbagaikan elemen pemikiran Islah sebagai *kayu ukur* untuk menganalisis pemikiran Islah oleh kedua-dua tokoh. Penulis mengakui atas kekangan masa dan kelemahan diri, penulis hanya menggunakan *enam* elemen pemikiran Islah yang diutarakan oleh Muhammad ‘Abd al-‘Azīm al-Zarqānī melalui karyanya yang berjudul *Manāhil al-‘Irfān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Penulis berpandangan, sekiranya penyelidik pada masa hadapan tidak mengembangkan lagi elemen-elemen pemikiran Islah yang boleh dijadikan *kayu ukur* dalam menganalisis pemikiran tokoh-tokoh dalam tafsir, dibimbangi akan berlakunya dapatan kajian yang sama dan sudah tentu ia tidak dapat memberikan sumbangan yang baharu dalam dunia akademik. Justeru, penulis mengharapkan akan ada kajian pada masa depan yang dapat dikembangkan lagi analisis pemikiran terhadap kedua-dua tokoh tersebut berpandukan elemen-elemen pemikiran Islah yang berlainan daripada kajian ini.
- iii. Melaksanakan kajian dalam bentuk analisis perbandingan terhadap pemikiran tokoh dalam mentafsirkan petikan ayat al-Quran yang sama. Menjadi satu kelemahan dalam kajian ini kerana pemikiran terhadap kedua-dua tokoh tersebut tidak dianalisis berdasarkan petikan ayat al-Quran yang sama. Bahkan kajian ini adalah menggunakan proses analisis tentang pemikiran kedua-dua tokoh berdasarkan petikan ayat al-Quran yang berlainan. Justeru, penulis mencadangkan agar satu kajian dapat dilaksanakan dengan menganalisis pemikiran kedua-dua tokoh berpandukan petikan ayat al-Quran yang sama. Dari situlah akan terhasilnya satu analisis pemikiran yang berimpak tinggi kerana akan menonjolkan perbezaan idea antara kedua-dua tokoh dalam petikan ayat al-Quran yang sama.

Oleh yang demikian, penulis mengharapkan kajian yang dihasilkan ini dapat menjadi rujukan asas kepada masyarakat Islam dalam mendalami sumbangan kedua-dua tokoh tersebut dalam kontekas pentafsiran al-Quran berteraskan aliran Islah.

BIBLIOGRAFI

- ‘Ādil Husayn Ghānim. “Iṣlāḥ Ḥilm Al-Tafsīr Fī Al-Tafsīr Al-Hadīth.” edited by ‘Alī As`ad. al-Quds: `Āsimah al-Thaqāfah al-Ārabiyyah, 2009.
- Ab. Aziz Mohd. Zin. *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997.
- Abdul Hadi Awang. *Tafsir At-Tibyan Tafsir Surah Al-Baqarah 83-160*. Kuala Lumpur: Penerbitan Harakah, 2015.
- . *Tafsir At-Tibyan Tafsir Surah Al-Baqarah Ayat 1-82*. Kuala Lumpur: Penerbitan Harakah, 2014.
- Abdul Rauh Yaacob. “Gerakan Islah Dan Tajdid Di Dunia Islam”, dalam *Sejarah dan*

- Tamadun Islam, PY1262.* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. “Pusat Rujukan Persuratan Melayu”, 8 Mac 2019.
<http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=tafsir>.
- . “Pusat Rujukan Persuratan Melayu”, dicapai 8 Mac 2019.
<http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=islah>.
- El-Muhammady, Muhammad 'Uthman. “Mengislah Ummah Awlawiyyat Gerakan Islam,” 2013. <http://www.mindamadani.my/topik/fiqh-ad-dakwah/item/20-mengislah-ummah-awlawiyyat-gerakan-islam.html>.
- Haziyah Hussin. “Sumbangan Tuan Guru Dato’ Seri Haji Abdul Hadi Awang Dalam Peradaban Tafsir Di Malaysia”, dalam *Kertas Kerja Daripada Kajian Di Bawah Geran Penulisan Luar PP-2017-006, Kerjasama Antara UKM Dengan Institut Pemikiran Tok Guru Dato’ Bentara Setia, Kelantan*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017, 1–12.
- Mashhudi Bunyani. *Syurga Perkahwinan*. Kuala Lumpur: Dinie Publisher, n.d.
- Mohamad, Shukeri, and Mohamad Azrien. “Tok Guru Nik Aziz Pencetus Siasah Syar’iyyah Dalam Sistem Politik Moden”, dalam *Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2016, 22 Dan 23 November 2016*, 1–17.
- Muhamad Zaid Ismail, and Norahida Mohamed. “Islah dan Tajdid: Pendekatan Pembinaan Semula Tamadun Islam”, dalam *Proceedings of ICIC2015 – International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia, 6-7 September 2015*, 679–690.
- Muhammad ‘Abd al-‘Azīm al-Zarqānī. *Manāhil Al-‘Irfān Fī ‘Ulūm Al-Qur’ān*. Edited by Fawwāz Ahmad Zamralī. Beirut: Dar al-Kitab al’Arabiyy, 1995.
- Muhammad Ibrāhīm Sharīf. *Ittijāhāt Al-Tajdīd Fī Tafsīr Al-Qur’ān Al-Karīm*. Kaherah: Dār al-Salām Li al-Ṭibā’ah wa al-Nashr wa al-Tawzī’ wa al-Turjumah, 2008.
- Muhammad Izdihar. “Konsep Dakwah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat Dalam Pembinaan Keislaman Rakyat Negeri Kelantan.” *Al-Idarah*, 2, 1 (Jan-Jun 2018): 119–136.
- Mustafa Abdullah. “Pengaruh Reformis Mesir Dan Kesannya Terhadap Perkembangan Penulisan Karya-Karya Tafsir Di Nusantara.” In *Prosiding Seminar Warisan Al-Quran*

Dan Al-Hadith Nusantara, Jilid 1-Pengajian Al-Quran, 27 dan 28 Ogos 2008, x–xx.
Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2008.

Mustaffa Abdullah. *Khazanah Tafsir Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009.

Nur Zainatul Nadra Zainol dan Latifah Abdul Majid. “, ‘Sejarah Perkembangan Tafsir Pada Zaman Rasulullah s.a.w, Sahabat Dan Tabiin’, 43-54.” *Journal of Techno-Social* 4, 2 (2012): 43–54.

Surathman dan Norfadzilah. “Pemikiran Tuan Guru Dato’ Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat Dalam Ekonomi.” *Jurnal Usuluddin*, 20 (2004): 69–88.